

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

PLG 318 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan I

Masa : [2 jam]

-----  
Jawab TIGA soalan semuanya, SATU soalan dari tiap-tiap Bahagian

Bahagian A:

1. [a] Huraikan fungsi kesusasteraan dalam sesebuah masyarakat.  
[20 markah]
- [b] Bagaimana kesusasteraan berperanan di dalam pendidikan?  
[20 markah]

ATAU

2. [a] Kemukakan beberapa pendekatan mengajar kesusasteraan.  
[20 markah]
- [b] Nyatakan kelemahan-kelemahan pendekatan mengajar yang diamalkan oleh kebanyakan guru sastera.  
[20 markah]

Bahagian B

3. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan intensif, ekstensif dan bebas di dalam mengajar novel?  
[15 markah]
- [b] Berdasarkan teks novel Mereka Yang Tertewas, tunjukkan satu rancangan kerja yang anda fikir sesuai untuk satu semester.  
[15 markah]

...2/-

- 4 [a] Berdasarkan puisi yang dilampirkan, (LAMPIRAN A) buat satu rancangan pelajaran yang akan disampaikan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah.

(20 markah)

- [b] Apakah aktiviti-aktiviti lanjutan untuk membina minat pelajar terhadap puisi?

[10 markah]

Bahagian C

- 5 [a] Nyatakan satu tajuk yang sesuai bagi mengajar cerpen MEMORI KEHIDUPAN (LAMPIRAN B) dan kemukakan alasan anda.

[5 markah]

- [b] Nyatakan beberapa objektif khas untuk mengajar tajuk tersebut dan perkaedahan yang difikirkan berkesan.

[20 markah]

- [c] Kemukakan satu set induksi yang difikirkan boleh menimbulkan minat pelajar-pelajar.

[5 markah]

6. Bincangkan beberapa kaedah mengajar drama yang mungkin dapat dilaksanakan di sebuah sekolah menengah atas.

[30 markah]

7. Apakah masalah-masalah yang wujud dalam pengajaran teks klasik?

Pada pendapat anda bagaimana menangani masalah tersebut?

[30 markah]

**Kawan**  
**(Zurinah Hassan)**

Senyum kawan di sebelahku hari ini  
hilang madu citanya  
hilang seri ceritanya  
dari semalam yang menyentuh urat nadiku  
dengan suara yang pasti.

Anak lemah ini  
wakil daerah penderitaan  
esok seluruhnya akan membangun  
dari gelora kegelisahan.

Semalam suaranya paling rela  
melepaskan sebuah rindu yang syahdu  
kerbau di bendang lembu di kandang  
bertukar milik wang tambang  
ayah ke Tanah Suci.

Semakin melunjuk seri senyumnya  
mendabik dada cerita ria  
nasi sekhemah gulai sekawah  
bertimpa orang ke rumah  
hilai usik kakak di pelamin  
yang menjerat setiap cara pencarian.

Hari ini serinya telah hilang  
tinggal keluh lemas  
dilemaskan bayaran yuran dan harga buku  
sedang ayah kekosongan saku.

## *Memori Kebiduan*

REJAB F.I

**A**yah bersama kakak melangkah masuk ke dalam dewan itu dengan penuh kebanggaan. Kebanggaan seorang ayah. Betapa jerih-perih ayah selama ini telah membuahkan harapannya. Dan ayah amat bersyukur.

Sebahagian daripada kerusi-kerusi dalam dewan itu dipenuhi oleh penghuni-penghuninya. Di bahagian hadapan dipenuhi oleh penghuninya yang berpakaian jubah warna ungu tua, berselempangkan kain warna merah muda dan memakai topi hitam mendatar, rambu berjuntai di tepinya.

Ayah tahu, mereka adalah para siswazah yang telah berjaya menunaikan kewajipan masing-masing. Berjaya menunaikan harapan keluarga dan negara. Dan di antara deretan para siswazah atau graduan itu terdapat anak ayah. Anak yang diasuh dan dibesarkannya sendiri, sebagai seorang ayah. Tanpa isterinya. Tanpa ibu.

Oh! Seribu pengorbanan diabadikannya.

Ketika upacara konvokesyen universiti itu dimulakan, para hadirin termasuk para jemputan dan sanak-saudara para siswazah itu telah memenuhi dewan. Di atas pentas, bahagian hadapan dewan dipenuhi para Dekan, Canselor, Naib Canselor, penerima ijazah-ijazah kehormat, duduk di kerusi masing-masing. Mereka ber-

181 *KELAPA NAN SEBATANG*

pakaian jubah selengkapnya. Begitu hebat, begitu mengagumkan ayah.

Muzik gamelan dimainkan, sebagai upacara tradisi untuk memulakan upacara konvokesyen tersebut. Amat menggetarkan perasaan ayah menunggu saat-saat anaknya dianugerahkan ijazah: Sekeping kertas yang berharga hanya beberapa ringgit, akan tetapi nilainya lima tahun pengajiannya dan segantang atau beberapa gantang peluh dicurahkan oleh ayah untuknya.

Dan bermulalah upacara itu dengan ucapan demi ucapan. Sesungguhnya ucapan itu amat bererti buat sesebuah institusi pengajian tinggi akan tetapi tidak pula dimengertikan oleh ayah sepenuhnya. Apalah yang dapat difahami oleh ayah sebagai seorang lelaki tua dari sebuah kampung yang saban hari memenuhi masanya mencari rezeki untuk anak-anaknya?

Namun segala-galanya amat dihargai dan dikagumi — pun membanggakannya. Sebagai seorang ayah saat-saat itulah yang ditunggu dan diharap-harapkannya itu telah pun diberkati oleh Tuhan. Bersyukurlah ayah.

Ketika tepukan tangan bergemuruh meraikan seorang demi seorang para siswazah itu menerima anugerah ijazah masing-masing, ketika itulah jua ayah teringatkan sejarah hidupnya. Ayah tahu bahawa giliran anaknya untuk menerima ijazah itu tercatat dalam senarai yang amat panjang. Sepanjang senarai itulah memori ayah menjangkau masa silam hidupnya, kira-kira 50 tahun yang lampau....

## ii

Pagi itu pagi masih berbalaman di permukaan Laut China Selatan. Sebuah tongkang bermuat barang-barang dagangan dari negara China — masih mengharapkan angin menolak layarnya — belayar tenang di permukaan samudera yang luas.

Ketika itulah seorang anak muda yang berusia kira-kira 18 tahun, menyusup keluar di antara timbunan kain dan barang-barang kaca dalam tongkang tersebut. Beberapa orang kelasi yang telah bangun lebih awal begitu terperanjat apabila melihat anak muda itu tiba-tiba muncul dari tempat persembunyiannya.

MEMORI KEHIDUPAN 182

"Tangkap dia! Tangkap!" Seru seorang kelasi bertubuh tegap, ketika sedang menyusun barang-barang yang terjatuh kerana tongkang itu dilambung ombak semalam.

Tiga orang kelasi mengepungnya.

"Tolonglah saya. Jangan diperapa-apakan. Saya cuma ingin menumpang tongkang ini pergi ke Tanah Melayu. Kasihanilah saya," rayu anak muda itu dengan penuh harapan.

"Kau bukan pencuri?" Tanya lelaki yang bertubuh tegap tadi dengan nada suara yang tinggi.

Anak muda itu menggeleng-gelengkan kepala.

"Sama ada dia pencuri ataupun tidak, kita serahkan kepada nakhoda!" Tegas lelaki itu.

Dia dibawa masuk ke bilik nakhoda. Ketika itu nakhoda baru sahaja lepas bersembahyang subuh. Dia menanggalkan ketayapnya, duduk berhadapan dengan anak muda tadi, "Lepaskan dia. Biar saya berbicara dengannya," kata nakhoda itu, bernada lembut sambil meraba janggut putih di dagunya.

Dia dilepaskan.

"Apa namamu?" Tanya nakhoda tadi.

"Abdullah... Abdullah Cin, tuan," jawabnya agak tenang.

"Oh! Kau juga beragama Islam? Dah sembahyang subuh?"

"Belum lagi tuan. Saya ingin sembahyang subuh, sebab itulah saya keluar dari tempat bersembunyi tadi," jawabnya.

"Oh! Begitu?" Tingkah nakhoda, mengangguk-angguk, "Kata mereka tadi, kauingin ke Tanah Melayu, mengapa?"

"Saya orang susah tuan. Di negeri kita tidak banyak pekerjaan yang boleh dibuat. Saya mendapat tahu di Tanah Melayu negerinya sangat makmur. Ada bijih timah, senang berniaga di sana. Lagipun...."

"Lagipun apa, ha?" Nakhoda mencelah.

"Penduduk di Tanah Melayu kebanyakannya beragama Islam. Benarkah begitu tuan?" Tanya anak muda itu kembali.

Nakhoda mengangguk-angguk. "Benar!" Dan dia merenungi susuk tubuh anak muda itu. Seorang anak muda yang bertubuh tinggi lampai, berkulit putih kuning. Air mukanya memancarkan keazaman. Berani menghadapi apa jua perjuangan. Tentu seorang yang beriman, fikir nakhoda.

183 *KELAPA NAN SEBATANG*

"Aku percaya kata-kata kau tadi. Sukakah kau jadi pekerjaku sebelum sampai ke Tanah Melayu? Kau dapat makan selama pelayaran kita ke sana," pelawa nakhoda itu.

"Ya tuan. Dan saya berterima kasih di atas budi baik tuan itu," begitu riang Abdullah Cin menerima pelawaan tersebut.

"Kalau begitu, sembahyang subuh dulu. Kemudian makan bersama-sama kami," tegas nakhoda.

Demikianlah Abdullah Cin (ayah) berkesempatan belayar dengan tongkang tersebut datang ke Tanah Melayu. Negara yang diidam-idamkannya selama ini. Dia meninggalkan keluarganya di wilayah Kwangtung yang tinggal di sebuah desa kecil di sana. Sebuah desa yang begitu ramai penduduknya beragama Islam.

Akan tetapi kehidupan mereka amat meleset kerana menghadapi huru-hara peperangan. Kerana itu juga mereka kekurangan pekerjaan. Dia bertekad meninggalkan keluarga dan kampung halamannya untuk memperjudikan nasib di sebuah negara yang dikenali dengan nama Semenanjung Tanah Melayu atau Malaya kira-kira pada awal abad 19 itu.

Sebenarnya, sebelum dia bertekad begitu, telah ramai anak muda negeranya yang telah berhijrah ke negara itu. Kebanyakannya terus menetap di sana. Melalui pedagang-pedagang yang sering berulang-alik ke sana, mereka mengetahui Semenanjung Tanah Melayu merupakan sebuah negara yang makmur dan penduduknya pula menganut agama Islam.

Kerana itu dia berkeyakinan, tentulah dapat mengecap bersama kemakmuran itu dan diterima baik oleh penduduk di situ kerana dia juga beragama Islam. Akan tetapi, segala impian dan pengharapannya itu rupa-rupanya bagaikan pelangi. Keindahan dan warna-warni yang dikejarinya itu tercapai olehnya.

## iii

Tepukan tangan terus bergemuruh dalam dewan itu. Memori ayah berhenti. Ayah melihat seorang demi seorang siswazah naik ke pentas menerima ijazah masing-masing. Ayah melihat keriangannya bagaikan sinar matahari pagi di wajah para graduan dan sanak-saudara mereka dalam detik-detik yang amat bersejarah itu.

Sekali-sekala ayah menoleh ke arah kakak. Wajah kakak yang jernih membayangkan kepuasan daripada keyakinannya selama ini. Seorang kakak yang begitu bererti dalam kehidupannya.

Kemudian ayah melihat senarai nama yang terdapat dalam buku konvokesyen yang diberikan kepada setiap para tamu. Tentunya nama anak ayah masih jauh lagi untuk sampai ke gilirannya. Kembali pula ingatan ayah menyambung semula ke sejarah masa silamnya....

Betapa bahagia dirasainya apabila kedua-dua kaki berjaya menjejak bumi yang menjadi idamannya selama ini. Kalau tidak silap ingatannya, dia sampai pada tahun 1933. Ya, memang tepat kerana ketika itu dia baru berusia 18 tahun. Tarikh kelahirannya pada tahun 1915.

"Anak mudal Aku harap kau berjaya memperjudikan nasibmu di sini. Pandai-pandailah membawa diri. Masuk kandang kambing mengembik, kata orang. Apa pun yang berlaku, jangan sekali-kali lupakan Allah," pesan nakhoda tongkang yang berasal dari wilayahnya juga, ketika dia memohon diri berpisah dengannya.

"Terima kasih di atas kebaikan budi bapa. Semoga Tuhan memberkatinya. Assalamualaikum!" Katanya permisi.

Nakhoda itu, Ibrahim Cua menjawab salamnya.

Dia melompat naik ke atas lori yang sedia menunggu di situ. Betapa bertuahnya dia kerana mendapat pertolongan pula daripada nakhoda tersebut. Nakhoda itu meminta bantuan daripada seorang rakannya di bandar Melaka. Rakan tersebut seorang pembesar Melayu, berperanan sebagai usahawan, mencari seberapa ramai buruh terutama dari negara China untuk bekerja di lombong bijih tumpah kepunyaan Inggeris.

Ketika lori itu bergerak meninggalkan bandar Melaka, bermuat pemuda-pemuda Cina; dia melihat begitu ramai orang Cina yang telah datang mendahuluinya. Apa yang diketahuinya, bangsanya datang ke Kepulauan Melayu, juga tempat lain di Asia Tenggara dengan hasrat untuk mencari rezeki. Di negaranya malapetaka seperti banjir, tuarang dan perang saudara sering berlaku. Oleh kerana sebahagian besar penduduknya adalah kaum tani, berlakunya malapetaka itu mengakibatkan hasil tanaman tidak mencukupi walaupun untuk sara diri.



185. *KELAPA NAN SEBATANG*

Disebabkan oleh penderitaan itulah mereka yang tinggal di wilayah-wilayah yang berhampiran dengan laut terpaksa berhijrah ke negara lain, bukan sahaja ke negara-negara Asia malahan ke Amerika, Australia, England dan sebagainya. Dan antara mereka itu termasuklah dirinya sendiri.

Dia dibawa ke sebuah lombong bijih timah di Sungai Ujong dalam Negeri Sembilan, merupakan sebuah di antara negeri-negeri Melayu Bersekutu. Di situ dia ditempatkan di sebuah rumah kongsi bersama berpuluh-puluh orang pekerja yang lain. Semuanya sebangsa dengannya akan tetapi berlainan agamanya. Dialah satu-satunya beragama Islam.

Suatu peristiwa yang amat memeritkan jiwanya ketika bekerja di situ dan menjadi sejarah pahit dalam hidupnya berlaku pada suatu subuh yang bening:

"Tengok, apa yang dilakukan oleh Dollah Cin tu ha?"  
Tunggang-tonggek, tunggang-tonggek!" Sindir seorang pekerja ketika dia sedang bersembahyang.

"Dia sembah Tuhannya tu!" Seru seorang lagi lalu ketawa berdekah-dekah.

Seorang pekerja yang lain pula menyucuk punggungnya dengan sebatang kayu. Dia amat marah akan tetapi amal salih itu terus dikerjakannya dengan penuh tawakal sehinggalah dia selesai menunaikannya.

Berlakunya peristiwa itu dia masih bersabar akan tetapi paksaan supaya dia makan bersama-sama mereka daging binatang yang dianggap najis dalam agamanya, menyebabkan kesabarannya tidak dapat dibendung lagi.

"Pegang tangannya! Kita sumbat daging ini ke mulutnya!" Seru seorang pekerja sambil memegang seketul daging yang dianggap najis itu.

Beberapa orang pekerja memegangnya. Ketika daging itu hendak disuap ke mulutnya, dia menggelupur. Kemudian dengan sepenuh tenaga dan kekuatan padu yang ada padanya, dia menghamburkan diri sehingga terlepas daripada pegangan mereka. Dia amat bersyukur.

Peristiwa itu diadukan kepada kepala pekerja di lombong tersebut, seorang Melayu beragama Islam. Dia mendapat perlindungan

daripadanya. Akan tetapi sejauh manalah perlindungan itu diperolehinya kerana dia terus tinggal bersama mereka. Akhirnya dia berpindah bekerja di lombong bijih di Lukut. Beberapa tahun kemudian berpindah pula ke Kuala Lumpur, sebuah bandar kecil. Ketika itu kira-kira pada tahun 1938.

Tempat itu amat kaya dengan bijih timah dan dipenuhi lumpur dari lombong-lombong bijih. Sungai-sungainya juga dipenuhi lumpur. Boleh jadi sebab itulah tempat itu dinamakan Kuala Lumpur, fikirnya.

Ketika itulah, kira-kira dalam tahun 1941 tentera Jepun membanjiri Tanah Melayu. Huru-hara dan ancaman kerja sekali lagi dihadapinya. Pekerja-pekerja lombong yang juga terdiri daripada orang-orang Cina, cuba mempengaruhinya supaya menentang tentera-tentera Jepun. Mereka berbuat begitu kerana perasaan anti-Jepun memang telah wujud semenjak tentera Jepun melanggar negara China pada tahun 1937. Sebahagian daripada mereka masih berada di sana.

Dia sendiri mengetahui orang-orang Cina telah menubuhkan Parti Komunis Malaya yang dikenali sebagai PKM. Kemudian PKM menubuhkan pula Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun yang dikenali dengan nama Bintang Tiga. Tentera Jepun mula mengambil orang-orang Melayu menjadi tentera dan polis. Kerana itu, apa yang sebenarnya berlaku penentangan PKM membangkitkan perselisihan antara orang-orang Melayu dengan Cina.

Dia tidak mahu mengheret dirinya dalam kancah penentangan itu. Sebagai seorang Islam, dia ingin berbaik terutama sekali dengan orang Melayu. Mereka sama agama dengannya. Ketika itulah dia berjaya melarikan diri dari bandar Kuala Lumpur ke sebelah utara.

Dari sebuah negeri ke sebuah negeri dia merantau sebagai mualaf memasuki kampung-kampung Melayu. Ternyata pula dia diterima baik oleh mereka. Akan tetapi jiwanya masih teringat daripada intipan anggota-anggota PKM kerana di mana sahaja dia berada, di situ juga terdapat orang-orang Cina.

Dalam pelarian itulah — dari negeri Selangor, melewati negeri Perak, merentas negeri Kedah, akhirnya sampai ke negeri Perlis. Di negeri Perlis yang bersempadan dengan Thai yang tidak dijajah oleh tentera Jepun, dia merasai agak tenteram.

187 *KELAPA NAN SEBATANG*

Dia diterima baik oleh penduduk sebuah kampung yang di kelilingi sawah padi. Sebuah kampung terpencil, tidak lagi dijamah oleh orang-orang Cina. Kediaman melingkari hidupnya sekarang.

## iv

Dan sekali lagi ayah tersedar daripada lamunannya.

Tepukan gemuruh terus berlanjutan dalam dewan itu. Seorang demi seorang graduan menerima ijazahnya. Ijazah itulah tali penyambung hidup mereka pada masa depan. Tentunya sesuatu yang lebih baik akan dimanfaatkan, fikir ayah.

Ayah segera merenungi senarai nama graduan yang sama berkelulusan dengan anaknya. Ternyata sudah sebahagian para graduan itu menerima ijazah masing-masing. Akan tiba juga anaknya melangkah ke pentas. Sementara itu biarlah dia hanyut dengan pengembaraan sejarah hidupnya itu....

Malam itu dia menumpang tidur di sebuah masjid. Ketika subuh dia terbangun daripada tidur apabila gendang raya dipalu beberapa kali di masjid itu. Kemudian dia bersembahyang subuh bersama anak-anak jemaah di situ berimamkan seorang Haji. Akhir sembahyang, anak-anak jemaah itu pulang ke rumah masing-masing, cuma tinggal tuan imam meneruskan wiridnya. Dia turut berwirid di belakang imam tersebut.

Selesai berwirid mereka bersalaman. Ketika itulah Tuk Imam merenungi wajahnya, "Anak ini baru datang ke sini?" Tanya Tuk Imam itu sambil meneliti wajahnya yang agak cengkung.

Dia mengangguk, "Ya, Tuan Haji. Saya seorang musafir, ingin mencari kerja di sini," jelasnya dengan nada perlahan dan penuh sopan.

Tuan Haji yang berserban, begitu mesra dan amat jernih wajahnya, mengangguk-angguk.

Berbekalkan kesopanan, berbudi bahasa dan ilmu agama yang dipelajarinya di negara China dan diterima baik oleh masyarakat di situ. Dia tinggal di sebuah pondok yang didirikan oleh mereka. Ternyata seorang Islam itu diterima baik oleh orang-orang Islam itu bersaudara, begitulah keyakinannya setelah menetap di situ.

Dia masih ingat lagi, betapa baik budi Tuan Imam Haji Abu Bakar terhadapnya. Dia menyerahkan anak-anak kampung yang belajar membaca al-Quran di rumahnya, kepadanya. Hasil mengajar itu dia mendapat zakat daripada penduduk di situ. Sudah cukup buat perbelanjaan hidupnya secara sederhana.

Dia juga tolong membantu petani-petani di situ mengerjakan sawah. Ketika membajak dia membajak, ketika menuai dia menuai. Mereka memberi upah di samping zakat yang setimpal dengan usaha-usahanya. Lebih daripada itu, sesuatu yang tidak dilupakannya jasa Tuan Imam terhadapnya: Pada suatu malam, ketika dia selesai mengajar membaca al-Quran....

"Lebai Dollah! (begitulah panggilan orang-orang kampung terhadapnya) Kasihan juga saya melihat Lebai memasak, membasuh dan tinggal di rumah ini seorang diri. Kalau saya carikan seorang isteri, macam mana?" Begitu hasrat yang disampaikan kepadanya.

Dia hanya menunduk, memikirkan nasib dan penghidupannya. Ya! Jika sudah ditakdirkan, dia tentu ingin berkahwin. Zuriat keturunan perlu dalam hidup ini. Seorang isteri dapat memenuhi hidupnya yang kekosongan. Dalam kedamaian itu kadang-kadang terasa jua kesepian.

"Macam mana? Lebai setuju?" Desak Tuk Imam.

Dia mengangguk-angguk perlahan.

Dan berkahwinlah dia dengan seorang anak gadis di kampung tersebut, berusia kira-kira 17 tahun. Seorang anak gadis yatim piatu, berkulit hitam manis dan semanis itu juga wajahnya. Anak gadis itu menumpang tinggal dengan abang kandungnya.

Hidupnya kini sudah tidak keseorangan lagi. Sudah ada tempat untuk berbual ketika kesepian. Pun menemani hidupnya sebagai seorang musafir.

Untuk memenuhi erti kehidupan berumahtangga, tentulah tidak memadai cuma mengharapkan zakat dan membantu kerja-kerja di sawah. Dia perlu mempunyai pekerjaan lain yang menjamin perbelanjaan rumahtangganya. Dan pekerjaan yang dipilihnya, seperti juga kebolehan kaum asalnya iaitu berniaga.

Dia mendapati penduduk di situ amat sukar mendapat ikan laut untuk makanan sehari-hari, apabila ikan-ikan di sawah keputusan

## 189 KELAPA NAN SEBATANG

terutama pada musim kemarau. Kerana itu dia memilih kerja menjual ikan.

Pagi-pagi lagi, lepas sembahyang subuh, dia berjalan kaki ke pekan Arau membeli ikan-ikan di sana kemudian dijajanya di kampung-kampung sekitar tempat tinggalnya itu. Dia mengandar dua buah bakul, merentasi sawah, dari sebuah kampung ke sebuah kampung. Ketika itu umurnya telah meningkat 40 tahun akan tetapi raut wajahnya kelihatan seperti berusia 50 tahun. Ternyata daripada penderitaan yang dialaminya, raut wajah melepasi umur yang sebenarnya.

Hasil jualan ikan-ikan itulah dia berjaya menyara isteri dan seorang anak demi seorang anak. Kedua-duanya perempuan. Anak itu kian membesar jua. Ketika itulah, waktu anak pertamanya Zuraidah, berusia lima tahun dan anak keduanya Zabedah, berusia tiga tahun, tiba-tiba isterinya Kalsum melarikan diri!

"Ayah! Emak dah tak ada lagi. Dia lari dengan lelaki yang selalu datang ke rumah kita masa ayah tak ada di rumah," jelas Zuraidah sambil menangis apabila dia pulang ke rumah pada suatu senja yang hampir gelap.

Segelap itulah jua fikirannya menerima berita itu. Akan tetapi kesabaran menguasai fikiran. Dan tidak segelap itu pula keazamannya. "Biarlah dia pergi nak. Ayah berazam memelihara kamu berdua sebaik-baiknya. Percayalah!" Begitu pujukan dan keyakinannya pula.

Ketahuilah dia, melalui Tuan Imam itu juga, isterinya melarikan diri kerana memilih lelaki yang lebih muda kerana dirinya dirasai begitu tua, kurang bertenaga, seorang mualaf yang sering menjadi ejekan wanita-wanita di kampung itu: Mualaf Cina berjanggut, pakai ketayap putih, badan melengkung buluh, berbaju Cina butang bulat, seluar panjut singsing sekerat, kandar ikan terhegeh-hegeh.

"Orang-orang yang beriman itu hendaklah bertawakal. Kebahagiaan dan penderitaan adalah percubaan Allah," demikianlah nasihat Tuan Imam Haji Abu Bakar.

Dan dia menerima nasihat itu sebagai penawar, mengubati penderitaannya.

V

Tepukan tangan terus berderai dalam dewan itu. Sekali lagi ayah tersedar daripada memorinya. Mata ayah terkebil-kebil melihat seorang gadis menuju ke pentas menerima ijazahnya. Anakkukah itu? Tanya ayah agak cemas kerana duduknya agak jauh, tidak dapat memastikan wajah gadis itu.

Segera dibuka buku konvokesyen. Mata ayah meniti senarai nama kumpulan penerima ijazah anaknya. Ternyata nama anak ayah masih lagi di bawah: Abjad Z biasanya terkemudian, hati ayah kelegaan. Saat-saat penerimaan ijazah itu merupakan puncak kejayaan, keazaman dan cita-cita ayah. Saat itu, jika dapat tidak mahu terlepas begitu sahaja.

Dan kembali pula ayah menyambung memorinya sementara menunggu giliran anak ayah naik ke pentas menerima ijazah....

Tuhan telah memberkati usaha-usaha anak ayah dan keazamannya selama ini. Betapa usaha dan keazaman mendidik anak yang ditinggalkan oleh ibu telah berjaya dibuktikan. Ayah cuma seorang penjual ikan, seorang muafak yang telah berumur, begitu memberi perhatian kepada anak-anaknya. Seorang daripada anak ayah telah pun berjaya. Bersyukurlah ayah.

Dan seorang kakak dalam kehidupan amat bererti membuahkannya kejayaan. Betapa tidak? Ketika Zabedah meningkat ke sekolah menengah kakaknya Zuraidah rela berhenti sekolah setelah tamat Tingkatan Tiga untuk memberi kesempatan kepada adiknya belajar.

"Biarlah saya menolong ayah. Pelajaran saya di sekolah pun tidak begitu berjaya. Ayah menjual ikan, saya mengambil upah di sawah. Perbelanjaan sekolah adik sudah tentu cukup daripada usaha kita itu," begitu keazaman seorang kakak yang disampaikan kepadanya. Seorang kakak yang bertubuh sederhana akan tetap mempunyai keyakinan padu menyempurnakan kehidupan keluarganya.

Keazaman dan keyakinan itulah mereka semai bersama-sama sehingga Zabedah berjaya melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah dan seterusnya ke universiti.

Ketika pagi-pagi lagi, Zabedah ke sekolah, Zuraidah turun ke sawah dan ayah menuju ke pekan memborong ikan. Ketika tengah

191 KELAPA NAN SEBATANG

hari, Zuraidah bergegas pulang memasak untuk adiknya dan mereka berdua makan tengah hari. Demikianlah sehingga Zabeledah masuk universiti, Zuraidah mendirikan rumahtangga dengan seorang peniaga kuih apam balik. Kini peniaga itu juga sama-sama membantu pengajian Zabeledah.

Ibu mereka langsung tidak mempedulikan penghidupan anak-anaknya. Mereka mendapat kasih sayang sebagai ibu dan ayah daripada dirinya sendiri. Akan tetapi, pada suatu hari apabila diketahui Zabeledah masuk universiti, bekas isteri ayah datang ke rumahnya.

"Apa yang patut kami lakukan terhadap emak, ayah?" Tanya anak-anaknya, kekusaran.

"Terimalah dia dengan baik. Dia adalah emak kamu berdua," jawab ayah.

Ayah tahu, ibu mengharapkan sesuatu daripada anaknya apabila keluar dari universiti nanti. Bagi ayah, terpulanglah kepada anak-anaknya sendiri. Dia sebagai seorang ayah telah menunaikan tanggungjawabnya.

vi

Demikianlah setelah ayah mengakhiri memori kehidupannya itu, tiga orang siswazah lagi termasuk anak gadis ayah, akan tampil ke pentas menerima ijazah. Begitu berdebar hati ayah yang dianggap muafak akan melihat sekeping ijazah dirangkul oleh anaknya.

Akhirnya tibalah giliran anak gadis ayah dipanggil ke muka pentas: "Zabeledah binti Abdullah Cin, menerima Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan dengan Pendidikan, kelas pertama!" Suara pengumuman itu bergema dalam dewan tersebut. Ayah dan Zuraidah bertepuk tangan bersama hadirin yang lain, mengalu-alukan kejayaan anaknya.

Ayah melihat Zabeledah yang duduk di bahagian hadapan para graduan, berjalan menuju ke pentas sebagai seorang siswazah. Oh! Betapa bangganya ayah melihat kejayaan anaknya. Kejayaan itu kejayaannya jua. Segala pahit getir hidup selama ini terbayarlah sudah. Anaknya berjaya merangkul sekeping ijazah!

"Ayah! Terima kasih di atas pengorbanan ayah selama ini," demikian ucap anaknya merangkul sebatang tubuh tinggi lampai, wajah kedut seribu, berjanggut putih, setelah keluar dari dewan universiti itu.

Ayah tersenyum puas, meneliti sebuah wajah tersenyum manis dan sesusuk tubuh yang kemas berpakaian jubah universiti.

"Terima kasih, kakak. Kakak juga begitu banyak berkorban untuk saya." Zabedah merangkul kakaknya pula. Seorang kakak berwajah cengkung, kulit terbakar panas demi kejayaan adiknya itu.

Dan mereka meninggalkan kampus universiti di Pulau Mutiara itu dengan seribu kepuasan. Juga seribu kebanggaan. Hasil bendungan hidup seorang ayah.

Sebagai seorang ayah yang telah melalui kampus universiti penghidupan dari negara China sehingga ke Malaysia, menetap di sebuah negeri kecil di utara, berasakan kehidupan ini bagaikan bayang-bayang. Bayang-bayang itu akan menggandingi hidup seseorang apabila cahaya meneranginya, demikian falsafah hidup ayah.